

Nazri bidas ahli Umno pura-pura bela Pak Lah

BH - 15/8/2006

Tindakan Dr Mahathir tetap dianggap pecah belahkan parti

Oleh Nazura Ngah

KUALA TERENGGANU: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz menyelar ahli Umno kerana berpura-pura dalam menangani isu kritikan berterusan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap pemerintahan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sambil menyifatkan ahli Umno lebih suka bercakap berlapik, Nazri berkata beliau tidak akan goyang daripada menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Perdana Menteri kerana berpegang pada prinsip 'satu kapal satu nakhoda'.

Beliau berkata tindakan Dr Mahathir itu jelas boleh memecah belahkan parti kerana ada anggota jemaah menteri yang 'tidak sebulu' atau sependapat dalam menangani isu berkenaan.

Katanya, mereka yang tidak bersetuju dengan kenyataan dan tindakannya tidak memahami siapa sebenarnya pemimpin.

"Sebagai orang yang sayang parti, saya bela parti dan pegang pada konsep satu kapal satu nakhoda. Yang ramai tidak bersetuju dengan saya adalah kerana mereka sendiri tidak faham siapa pemimpin mereka, Tun (Dr Mahathir) atau Pak Lah.

"Bagi saya, saya tahu Pak Lah adalah pemimpin sebab itu saya tidak hairan dan saya tidak peduli. Orang nak marah, marah la... ini hak saya dan saya tidak pernah berubah.

"Dulu masa Tun jadi Presiden Umno, Perdana Menteri, orang lawan dia, saya tampil ke depan sebab itu Tun tahu saya 'henchman' (kaki pukul).

"Tetapi hari ini, Pak Lah adalah Presiden Umno dan Perdana Menteri... kita kena bela dia, saya tidak langsung goyang bahawa Pak Lah adalah Presiden Umno," katanya selepas mengadakan lawatan ke pejabat Amanah Raya Bhd, di sini, semalam.



BUAT TINJAUAN: Mohamed Nazri bertanya sesuatu kepada kakitangan di kaunter Amanah Raya Berhad ketika mengadakan lawatan kerja ke ARB cawangan Terengganu, semalam.

Nazri berkata, beliau tidak akan berlapik dalam membuat kenyataan jika kemelut politik yang berterusan dalam Umno boleh menghancurkan parti.

"Hari ini mungkin orang marah saya, satu hari orang akan terfikir apa yang Nazri buat itu betul, sebab saya tidak reti nak berpura-pura macam sesetengah orang dalam Umno.

"Saya tidak peduli... hendak marah marah lah kerana saya sayang parti kerana saya sudah nampak bibit perpecahan mungkin berlaku kalau kita tidak mengingatkan ahli supaya elak perkara ini berlaku," katanya.

Nazri menyifatkan kenyataan Dr Mahathir bahawa beliau sedia berhenti mempersoalkan keputusan kerajaan jika kepemimpinan negara

bersetuju menarik balik pembatalan projek jambatan baru menggantikan Tambak Johor sebagai ugutan.

Katanya, tidak mudah mengubah keputusan yang dibuat kerajaan kerana sebelum keputusan dibuat, kerajaan sudah membuat pertimbangan sewajarnya dan mengambil kira kepentingan rakyat.

"Takkanlah kerana seorang, kita hendak tukar keputusan kita. Kenyataannya itu sebenarnya untuk mengatakan dia nak terus kritik, dia tiada hasrat nak berhenti, dia berlapik disebalik itu (kenyataan) itu.

"Pada saya teruskanlah tetapi jangan pula ada orang lain kata kita jangan jawab, macam Mukhriz (Datuk Mukhriz Mahathir), dia kata ja-

ngan bangkit isu bapa dia, tetapi kalau bapa dia terus mengkritik, kita kenalah jawab.

"Kalau rasa dia (Dr Mahathir) ada hak (untuk terus kritik), orang ramai dan ahli Umno pun harus faham saya juga ada hak menjawab," katanya.

Nazri juga tidak bersetuju dengan kenyataan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin bahawa Dr Mahathir tidak akan merampas kuasa daripada penggantinya.

Beliau berkata isu rampas kuasa tidak timbul kerana Dr Mahathir sudah mengatakan beliau tidak akan berkuasa semula, sebabiknya tindakan Dr Mahathir itu bertujuan menjatuhkan Perdana Menteri.